



**ASAS KEUSAHAWANAN
(ETR 300)**

**LAMAN INDAH
SDN.BHD**

**DISEDIAKAN UNTUK:
EN. HALIM SHUHAIMI B. YEOP JOHARI**

**TARIKH PENYERAHAN:
10 MAC 2000**

ISI KANDUNGAN

RANCANGAN PERNIAGAAN

Surat kebenaran

Sekapur Sireh

Penghargaan

Surat serahan

PENGENALAN

1.0 Pengenalan

1.1 Logo

1.2 Latar Belakang Perniagaan

1.3 Sumbangan Modal

1.4 Latar Belakang Ahli Kongsy

1.5 Tujuan Rancangan Perniagaan

SEKAPUR SIREH

Dengan Nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Penyayang.

Alhamdulillah, kami panjatkan syukur ke hadrat Ilahi di atas kurnia dariNya maka kami, mahasiswi-mahasiswa UiTM Cawangan Kelantan dari Kursus Perakaunan bahagian 05 Semester Disember – April 2000 telah berjaya menyiapkan sebuah Rancangan Perniagaan yang telah dikhususkan bagi matapelajaran Asas Keusahawanan (ETR 300).

Kumpulan kami yang terdiri daripada 5 orang ahli telah bersepakat dan bersetuju memilih perniagaan nurseri dan lanskap dengan nama **LAMAN INDAH SDN.BHD.** Ini adalah bertepatan dengan matlamat kerajaan yang ingin menjadikan Malaysia sebagai negara dalam taman.

Justeru itu, kami berharap agar rancangan perniagaan ini dari hasil cetusan idea-idea bernas kami akan sedikit sebanyak membantu rakyat Malaysia untuk mengindahkan alam sekitar untuk mencapai hasrat kerajaan.

Di kesempatan ini, ingin kami mengucapkan jutaan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat dalam usaha menyiapkan rancangan perniagaan ini sama ada secara langsung atau tidak langsung.

Sekian, Wassalam.

1 PENGENALAN ORGANISASI

Mengikut perancangan kami, projek perancangan lanskap dan kebun bunga ini akan bermula pada 1 JAN 2001. Perkhidmatan yang kami jalankan ini adalah berbentuk syarikat iaitu sebuah perkhidmatan kebun bunga dan landskap. Tercetusnya idea ini adalah kerana hasil daripada kajian dan penyelidikan mendapati perkhidmatan ini mampu memberikan satu pulangan serta potensi yang baik terutamanya di Kelantan. Oleh itu,kami memilih lokasi di Tanah Merah sebagai tempat perniagaan kami.Ini adalah kerana di sini belum lagi dimonopoli oleh pihak swasta dan kedudukannya yang strategik mencerahkan lagi peluang kami untuk bersaing dengan lain-lain pengusaha. Perniagaan kami ini dinamakan **Laman Indah Sdn. Bhd.**

Matlamat syarikat kami adalah untuk memenuhi keperluan dan kehendak pelanggan terutama pelanggan di Kelantan dalam mengindahkan dan memelihara alam sekitar seperti mana yang digalakkan dan selalu diwawarkan oleh kerajaan. Syarikat kami menjalankan projek menanam,menjual pokok berbunga dan berdaun serta pokok hiasan disamping menawarkan perkhidmatan landskap.Spesis bunga dan pokok yang ditanam adalah terpilih dan terhad kepada pokok yang tertentu sahaja iaitu pokok yang mempunyai permintaan yang tinggi,kos yang rendah serta mudah diuruskan.

Seni bina lanskap dan taman adalah bertujuan untuk mewujudkan suasana yang selesa dengan mengekalkan keindahan alam semula jadi. Ianya sejajar dengan hasrat kerajaan bagi menjadikan Malaysia sebuah negara dalam taman. Kami menyediakan perkhidmatan ini samada untuk kediaman, sekolah-sekolah,taman-taman, dan juga kepada pihak kerajaan terutama sekali di sekitar Kelantan.

OBJEKTIF SYARIKAT

1. Menjadikan Laman Indah Sdn.Bhd. sebagai sebuah syarikat yang berkembang maju setanding dengan syarikat yang sedia ada.
2. Menjaga mutu pengeluaran syarikat untuk memberi kepuasan dan kepercayaan kepada pelanggan-pelanggan untuk terus menjalankan urusan dengan syarikat kami.
3. Memberikan pendedahan yang lebih mendalam kepada pekerja-pekerja mengenai pengurusan dan pengendalian projek syarikat bagi mengelakkan sebarang kecacatan dan pembaziran berlaku dalam menjalankan operasi seharian.
4. Menghasilkan kecekapan dan ketetapan dalam merancang setiap urusan bagi mengelakkan sebarang risiko yang mungkin terjadi seperti pembaziran wang syarikat.